



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

CETAKAN SEMULA

---

**Akta 620**

## **AKTA PENAPISAN FILEM 2002**

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
SECARA USAHA SAMA DENGAN  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD  
2006

**AKTA PENAPISAN FILEM 2002**

Tarikh Perkenan Diraja ... .. 29 Januari 2002

Tarikh penyiaran dalam *Warta*... .. 7 Februari 2002

*CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

*Cetakan Semula Yang Pertama ... .. 2004*

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 620

### AKTA PENAPISAN FILEM 2002

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

##### BAHAGIAN I

##### PERMULAAN

###### Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Ketidapkakaian
3. Tafsiran

##### BAHAGIAN II

##### LEMBAGA PENAPIS

4. Penubuhan Lembaga

##### BAHAGIAN III

##### KAWALAN FILEM DAN BAHAN PUBLISITI FILEM

5. Filem lucu
6. Filem atau bahan publisiti filem yang tidak diluluskan
7. Penahanan filem dan bahan publisiti filem yang diimport
8. Permit, dsb., bagi maksud seksyen 7
9. Pengemukaan filem untuk penapisan
10. Keputusan Lembaga
11. Pengubahan
12. Penyimpanan dan pemulangan filem

## Seksyen

13. Pelupusan filem yang tidak diluluskan
14. Perakuan “A”
15. Pengelasan filem
16. Pembuatan pendua filem
17. Perakuan “B”
18. Pempameran tanda kelulusan, perakuan dan pengelasan
19. Pengemukaan bahan publisiti filem
20. Tanda kelulusan pada bahan publisiti filem

## BAHAGIAN IV

## RAYUAN

21. Rayuan
22. Jawatankuasa Rayuan
23. Kuasa Jawatankuasa Rayuan
24. Lembaga mesti melaksanakan keputusan Jawatankuasa Rayuan

## BAHAGIAN V

## KUASA MENTERI

25. Arahan
26. Larangan
27. Peraturan-peraturan
28. Pengecualian

## BAHAGIAN VI

KUASA BERHUBUNG DENGAN PENGUATKUASAAN, PENYITAAN,  
PENANGKAPAN, DSB.

29. Pelantikan Pegawai Penguat Kuasa
30. Kuasa untuk menyiasat
31. Kad kuasa
32. Penggeledahan dan penyitaan dengan waran
33. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
34. Pemeriksaan orang

Seksyen

35. Penyitaan filem, dsb.
36. Notis penyitaan
37. Kuasa penangkapan
38. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes
39. Pemeriksaan orang yang mengetahui kes
40. Pelucuthakan filem, dsb., yang disita
41. Kos memegang filem, dsb., yang disita
42. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

43. Pendakwaan
44. Bidang kuasa mahkamah Majistret Kelas Satu
45. Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan
46. Pengkompaunan kesalahan
47. Anggapan
48. Keputusan di bawah Akta tidak tertakluk kepada rayuan atau kajian semula
49. Pekhidmat awam
50. Kekebalan daripada tindakan undang-undang
51. Tiada tanggungan bagi kehilangan atau kerosakan kepada filem atau bahan publisiti filem
52. Pelupusan filem yang tidak dituntut

BAHAGIAN VIII

PERUNTUKAN PEMANSUHAN, PERALIHAN DAN KECUALIAN

53. Pemansuhan
54. Lembaga dan Jawatankuasa
55. Penerusan undang-undang
56. Sebutan mengenai Akta termansuh

JADUAL



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 620

### AKTA PENAPISAN FILEM 2002

Suatu Akta berhubung dengan penapisan filem dan perkara-perkara yang berhubung dengannya.

[1 April 2002, P.U.(B) 100/2002]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penapisan Filem 2002.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### **Ketidakpakaian**

2. (1) Bagi mengelakkan keraguan, dengan ini diisytiharkan bahawa Akta ini tidak terpakai bagi Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri.

(2) Akta ini tidak terpakai bagi—

- (a) apa-apa filem yang ditaja oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri;
- (b) apa-apa filem yang dipindahkapalkan di dalam Malaysia bagi penghantarserahan di suatu tempat di luar Malaysia;
- (c) apa-apa filem sama ada dikeluarkan di Malaysia atau diimport ke Malaysia yang pemunyaanya tidak bermaksud untuk menayangkan di Malaysia atau apa-apa filem yang dikeluarkan di Malaysia dan dimaksudkan oleh pemunyaanya

untuk pengedaran ke seluruh dunia, selain Malaysia, jika suatu permit atau suatu perakuan pengecualian telah diberikan di bawah seksyen 8 oleh Lembaga;

- (d) apa-apa filem, yang tidak lucah atau memberahikan, yang berada dalam milikan mana-mana orang atau ejennya dan yang dimaksudkan untuk kegunaan peribadinya sendiri dan tidak bagi maksud penjualan, penyewaan, pengedaran, penayangan awam atau penyebaran selagi filem itu berada dalam milikan itu.

(3) Akta ini tidak boleh ditafsirkan sebagai membenarkan penapisan apa-apa filem atau bahan publisiti filem yang disiarkan, dipamerkan, disebar, ditayangkan, diedarkan atau dipancarkan melalui internet atau melalui intranet.

## Tafsiran

3. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bahan publisiti filem” termasuklah keseluruhan atau apa-apa bahagian sesuatu gambar, fotograf, poster, rajah, surat sebaran, slaid, iklan surat khabar dan apa-apa bentuk iklan lain yang asal atau pendua yang dicetak atau dirakamkan pada apa-apa bahan dan yang dimaksudkan untuk menyerantakan sesuatu filem;

“barang” ertinya peralatan atau kelengkapan yang digunakan untuk membuat dan memproses filem atau penduanya, dan termasuklah set televisyen dan perakam kaset video;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“filem” termasuklah keseluruhan atau apa-apa bahagian—

(a) sesuatu filem sinematografi; dan

(b) sesuatu pita video, disket, cakera laser, cakera padat, cakera keras dan rekod lain,

yang asal atau pendua bagi suatu urutan imej gambar tampak, yang merupakan suatu rekod yang dapat digunakan sebagai suatu cara untuk menunjukkan urutan itu sebagai suatu gambar bergerak, sama ada atau tidak diiringi oleh bunyi;



“Jawatankuasa Rayuan” ertinya Jawatankuasa Rayuan yang ditubuhkan di bawah seksyen 22;

“Lembaga” ertinya Lembaga Penapis yang ditubuhkan di bawah seksyen 4;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara mengenai penapisan filem dan bahan publisiti filem dan, kecuali berhubungan dengan kuasa untuk membuat peraturan, termasuklah Timbalan Menteri;

“pegawai kastam yang hak” mempunyai erti yang diberikan kepada ungkapan itu dalam Akta Kastam 1967 [*Akta 235*];

“Pegawai Penguat Kuasa” ertinya seseorang Pegawai Penguat Kuasa yang dilantik di bawah seksyen 29 dan termasuklah Penolong Pegawai Penguat Kuasa dan Pegawai Penguat Kuasa Rendah;

“pegawai polis” ertinya seseorang pegawai polis, sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Polis 1967 [*Akta 344*], yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor;

“pemunya”, berhubung dengan sesuatu filem atau bahan publisiti filem, ertinya—

- (a) seseorang yang berhak ke atas milikan filem atau bahan publisiti filem itu sama ada filem atau bahan publisiti filem itu dibuat atau dikeluarkan di Malaysia atau diimport dari luar Malaysia; atau
- (b) mana-mana orang yang mempunyai filem atau bahan publisiti filem itu dalam kawalan, milikan atau pemunyaannya pada masa yang berkenaan;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 4(1)(a) dan termasuklah Naib Pengerusi dan Pengerusi sementara yang melaksanakan kewajipan Pengerusi;

“pengubahan” termasuklah pemotongan, penambahan, penghapusan, pemadaman, penyusunan semula atau pembuangan adegan, dialog atau bunyi, pada keseluruhan atau sebahagiannya, daripada sesuatu filem, dan termasuklah juga pemasukan atau pemindaan sari kata dalam sesuatu filem;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha yang disediakan untuk Lembaga di bawah subseksyen 4(3), dan termasuklah seseorang Penolong Setiausaha;

“tayangan” termasuklah pengeluaran apa-apa muzik, ucapan, bunyi bising atau bunyi lain yang mengiringi penayangan sesuatu filem, dan “tayang” hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

## BAHAGIAN II

### LEMBAGA PENAPIS

#### **Penubuhan Lembaga**

4. (1) Maka hendaklah ada suatu Lembaga Penapis yang terdiri daripada anggota-anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Naib Pengerusi; dan
- (c) tidak kurang daripada dua orang lain.

(2) Peruntukan yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah terpakai bagi Lembaga.

(3) Hendaklah disediakan untuk Lembaga seorang Setiausaha dan apa-apa bilangan Penolong Setiausaha dan penolong perkeranian dan penolong-penolong lain yang perlu.

(4) Setiausaha, Penolong-Penolong Setiausaha dan penolong perkeranian dan penolong-penolong lain yang disediakan untuk Lembaga di bawah subseksyen (3) hendaklah juga memberikan khidmat kepada dan membantu Jawatankuasa Rayuan.

## BAHAGIAN III

### KAWALAN FILEM DAN BAHAN PUBLISITI FILEM

#### **Filem lucah**

5. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) ada atau menyebabkan dirinya ada dalam milikan, jagaan, kawalan atau pemunyaannya; atau

- (b) menyebarkan, menayangkan, mengedarkan, mempamerkan, membuat, mengeluarkan, menjual atau menyewakan,

apa-apa filem atau bahan publisiti filem yang lucu atau yang selainnya bertentangan dengan kesopanan awam.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

### **Filem atau bahan publisiti filem yang tidak diluluskan**

6. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) ada dalam milikannya atau dalam jagaannya atau di bawah kawalannya; atau
- (b) menyebarkan, menayangkan, mengedarkan, mempamerkan, membuat, mengeluarkan, menjual atau menyewakan,

apa-apa filem atau bahan publisiti filem yang belum diluluskan oleh Lembaga.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh—

- (a) berkenaan dengan apa-apa filem, didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak lebih daripada tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya; atau
- (b) berkenaan dengan apa-apa bahan publisiti filem, didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit.

(3) Seksyen ini tidak terpakai bagi mana-mana filem atau bahan publisiti filem yang berkenaan dengannya suatu perakuan pengecualian telah dikeluarkan di bawah subseksyen 8(3) selagi mana-mana syarat yang tertakluk kepadanya perakuan itu dikeluarkan dipatuhi.

### **Penahanan filem dan bahan publisiti filem yang diimport**

7. (1) Jika apa-apa filem atau bahan publisiti filem diimport ke dalam Malaysia, pegawai kastam yang hak yang kepadanya filem atau bahan publisiti filem itu dikemukakan apabila diimport sedemikian atau yang mendapat tahu tentang pengimportan itu hendaklah menahan filem atau bahan publisiti filem itu.

(2) Mana-mana filem atau bahan publisiti filem yang ditahan di bawah subseksyen (1) tidak boleh dilepaskan melainkan jika suatu permit atau suatu perakuan pengecualian yang dikeluarkan di bawah seksyen 8 berkenaan dengan filem atau bahan publisiti filem itu dikemukakan kepada seorang pegawai kastam yang hak yang mempunyai kawalan ke atas filem atau bahan itu.

(3) Mana-mana orang yang, tanpa suatu permit atau suatu perakuan pengecualian yang dikeluarkan di bawah seksyen 8, mengalihkan atau menyebabkan dialihkan daripada kawalan mana-mana pegawai kastam yang hak apa-apa filem atau bahan publisiti filem yang telah diimport ke dalam Malaysia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak lebih daripada tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau keduanya.

### **Permit, dsb., bagi maksud seksyen 7**

**8.** (1) Lembaga boleh mengeluarkan suatu permit bagi maksud seksyen 7 jika permohonan dibuat kepada Lembaga mengikut cara yang ditetapkan.

(2) Sesuatu permit yang dikeluarkan oleh Lembaga—

- (a) hendaklah sah hanya selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam permit itu; dan
- (b) hendaklah menyatakan masa dan tempat bagi pengemukaan filem atau bahan publisiti filem itu untuk penapisan.

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), Lembaga boleh mengeluarkan suatu perakuan pengecualian bagi maksud seksyen 7 berkenaan dengan apa-apa filem atau bahan publisiti filem yang diimport ke dalam Malaysia—

- (a) yang pemunya tidak bermaksud untuk menayangkannya di Malaysia, jika pemunya itu telah memberitahu Lembaga secara bertulis bahawa dia tidak bermaksud untuk menayangkan filem atau bahan publisiti filem itu di Malaysia atau membenarkan tayangannya di Malaysia, dan sudah memberi Lembaga perihalan penuh tentang filem atau bahan publisiti filem itu;
- (b) yang Lembaga berpuas hati adalah dimaksudkan bagi kegunaan peribadi; atau

- (c) jika filem itu telah dibuat atau dikeluarkan di Malaysia oleh suatu perbadanan atau syarikat tempatan atau asing dengan tujuan untuk pendedaran ke seluruh dunia, selain Malaysia,

jika permohonan dibuat oleh pemunya itu mengikut cara yang ditetapkan.

(4) Tanpa menjejaskan subseksyen (2), kuasa Lembaga untuk mengeluarkan permit atau perakuan pengecualian di bawah seksyen ini termasuklah kuasa untuk mengenakan syarat-syarat yang tertakluk kepadanya permit atau perakuan itu dikeluarkan.

### **Pengemukaan filem untuk penapisan**

**9.** (1) Pemunya sesuatu filem hendaklah mengemukakan filem itu kepada Lembaga untuk penapisan mengikut cara yang ditetapkan tanpa apa-apa perubahan atau pemotongan dan atas risiko dan perbelanjaannya sendiri—

- (a) dalam hal sesuatu filem yang diimport yang tidak dikecualikan di bawah subseksyen 8(3) yang dilepaskan di bawah seksyen 7, dalam masa dan di tempat yang dinyatakan dalam permit yang dikeluarkan berkenaan dengan filem itu di bawah subseksyen 8(1); atau
- (b) dalam hal sesuatu filem yang dibuat atau dikeluarkan di Malaysia dan yang dicadangkan untuk ditayangkan di Malaysia, dalam masa empat belas hari dari tarikh pembuatan atau pengeluaran itu selesai.

(2) Pemunya filem yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak lebih daripada tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Keputusan Lembaga**

**10.** (1) Selepas menonton sesuatu filem yang dikemukakan kepadanya untuk penapisan, Lembaga boleh—

- (a) meluluskan filem itu untuk ditayangkan tanpa apa-apa perubahan;

(b) meluluskan filem itu untuk ditayangkan dengan apa-apa perubahan yang dikehendaknya; atau

(c) enggan meluluskan penayangan filem itu.

(2) Setiausaha hendaklah memberitahu pemunya filem itu secara bertulis mengenai keputusan Lembaga yang dibuat di bawah subseksyen (1).

(3) Dalam hal yang baginya perenggan (1)(b) atau (1)(c) terpakai, Lembaga hendaklah memberi pemunya filem secara bertulis alasan-alasannya kerana menghendaki perubahan itu atau bagi keengganan itu.

## **Pengubahan**

**11.** (1) Pengubahan yang dikehendaki oleh Lembaga di bawah perenggan 10(1)(b) boleh dibuat—

(a) oleh Lembaga; atau

(b) dengan keizinan bertulis dan tertakluk kepada apa-apa syarat Lembaga, oleh pemunya filem.

(2) Jika apa-apa filem dihantARSERAHKAN kepada pemunya filem itu bagi maksud membolehkan pemunya itu membuat perubahan kepada filem itu di bawah perenggan 10(1)(b), pemunya itu hendaklah memulangkan filem itu kepada Lembaga—

(a) dalam masa yang ditentukan oleh Lembaga; dan

(b) dengan mana-mana bahagian yang dipotong, jika perubahan secara pengeluaran telah dibuat.

(3) Pemunya filem yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak lebih daripada tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

## **Penyimpanan dan pemulangan filem**

**12.** (1) Jika Lembaga enggan meluluskan penayangan mana-mana filem, Lembaga boleh menyimpan filem itu selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga bulan dari tarikh keputusannya.

(2) Jika Lembaga enggan meluluskan penayangan mana-mana filem yang diimport, Lembaga boleh memerintahkan supaya filem itu dipulangkan jika Lembaga berpuas hati bahawa pemunyaanya bercadang untuk mengeksport semula filem itu.

### **Pelupusan filem yang tidak diluluskan**

**13.** Jika Lembaga enggan meluluskan penayangan mana-mana filem, Lembaga boleh merampas dan memusnahkan atau selainnya melupuskan filem itu—

- (a) selepas habis tempoh masa yang disebut dalam subseksyen 12(1); atau
- (b) jika terdapat apa-apa rayuan yang dibuat mengikut seksyen 21 kepada Jawatankuasa Rayuan dan jika Jawatankuasa itu mengesahkan keputusan Lembaga, selepas keputusan Jawatankuasa itu disampaikan kepada Pengerusi Lembaga di bawah seksyen 24.

### **Perakuan “A”**

**14.** Lembaga hendaklah memperakui bahawa sesuatu filem—

- (a) telah diluluskan di bawah perenggan 10(1)(a); atau
- (b) telah diubah sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga,

dengan mengeluarkan suatu perakuan yang hendaklah dikenali sebagai ‘Perakuan “A” ’.

### **Pengelasan filem**

**15.** Lembaga boleh, sebelum mengeluarkan suatu perakuan di bawah seksyen 14, mengelaskan filem itu mengikut apa-apa cara yang ditetapkan.

### **Pembuatan pendua filem**

**16.** (1) Jika seseorang bercadang untuk membuat pendua keseluruhan atau mana-mana bahagian sesuatu filem yang telah diperakui di bawah seksyen 14, dia hendaklah mengemukakan suatu akuan berkanun kepada Lembaga dengan menyatakan—

- (a) cadangannya untuk membuat salinan pendua;

- (b) bilangan sebenar salinan pendua yang dia bercadang untuk membuatnya; dan
- (c) bahawa salinan pendua itu dibuat daripada filem asal yang diluluskan dan diperakui oleh Lembaga, masing-masing di bawah seksyen 10 dan 14.

(2) Tiada seorang pun boleh membuat salinan pendua keseluruhan atau mana-mana bahagian sesuatu filem yang belum diluluskan dan diperakui oleh Lembaga, masing-masing di bawah seksyen 10 dan 14.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak lebih daripada tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Perakuan “B”**

**17.** Lembaga hendaklah mengeluarkan suatu perakuan yang hendaklah dikenali sebagai ‘Perakuan “B” ’ bagi tiap-tiap salinan pendua yang dibuat mengikut seksyen 16.

### **Pempameran tanda kelulusan, perakuan dan pengelasan**

**18.** (1) Pemunya sesuatu filem yang diluluskan oleh Lembaga untuk tayangan hendaklah mengecapkan pada filem itu tanda kelulusan Lembaga.

(2) Maka hendaklah dipamerkan mengikut cara yang ditetapkan berkenaan dengan tiap-tiap filem yang diluluskan oleh Lembaga untuk tayangan—

- (a) perakuan berkenaan dengan filem itu;
- (b) pengelasan filem itu; dan
- (c) nama dan alamat orang yang menayangkan, mengedarkan, mempamerkan atau menjual, mengikut mana-mana yang berkenaan, filem itu.

(3) Pemunya filem yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.



- (4) Mana-mana orang yang—
- (a) menayangkan, mengedarkan atau menjual sesuatu filem dengan melanggar subseksyen (2); atau
  - (b) mempamerkan berkenaan dengan sesuatu filem suatu pengelasan yang berbeza daripada pengelasan yang telah diberikan oleh Lembaga kepada filem itu,

melakukan suatu kesalahan.

(5) Seseorang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak lebih daripada tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Pengemukakan bahan publisiti filem**

**19.** (1) Tiap-tiap bahan publisiti filem hendaklah dikemukakan kepada Lembaga mengikut cara yang ditetapkan bagi kelulusannya.

(2) Seksyen 10 dan 11 hendaklah terpakai bagi mana-mana bahan publisiti filem yang dikemukakan kepada Lembaga bagi kelulusannya seolah-olah perkataan “filem” dalam seksyen itu telah digantikan dengan perkataan “bahan publisiti filem”.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen 11(2) yang dibaca bersama dengan subseksyen (2) seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

(4) Seseorang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit.

### **Tanda kelulusan pada bahan publisiti filem**

**20.** (1) Lembaga hendaklah mengecapkan tanda kelulusannya pada mana-mana bahan publisiti filem yang telah diluluskan oleh Lembaga atau yang telah diubah sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.

(2) Jika berbilang salinan apa-apa bahan publisiti filem dikemukakan bagi kelulusan Lembaga, maka Lembaga hendaklah mengecapkan tanda kelulusannya pada salinan pertama sahaja dan salinan pendua boleh dibuat daripada salinan pertama itu.

(3) Mana-mana orang yang menayangkan apa-apa bahan publisiti filem atau mana-mana salinan pendua bahan itu tanpa mempamerkan tanda kelulusan Lembaga berkenaan dengan bahan itu melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit.

#### BAHAGIAN IV

#### RAYUAN

#### **Rayuan**

**21.** (1) Pemunya apa-apa filem atau bahan publisiti filem yang terkilan dengan apa-apa keputusan Lembaga boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh dia diberitahu mengenai keputusan itu dan apabila dibayar fi yang ditetapkan, merayu kepada Jawatankuasa Rayuan dengan mengemukakan kepada Setiausaha suatu notis rayuan bertulis.

(2) Notis rayuan itu boleh mengandungi representasi pemunya itu.

#### **Jawatankuasa Rayuan**

**22.** (1) Maka hendaklah ada suatu Jawatankuasa Rayuan yang terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Menteri;
- (b) seorang Naib Pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Menteri;
- (c) Ketua Polis Negara, atau wakilnya;
- (d) Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan penapisan filem dan bahan publisiti filem, atau wakilnya;
- (e) Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pengawalseliaan penyiaran, atau wakilnya;
- (f) Ketua Pengarah Pendidikan, atau wakilnya; dan
- (g) tiga belas orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

(2) Peruntukan yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah terpakai bagi Jawatankuasa Rayuan.

### **Kuasa Jawatankuasa Rayuan**

**23.** (1) Jawatankuasa Rayuan hendaklah mempunyai kuasa untuk mengesahkan, mengubah atau mengakaskan keputusan Lembaga.

(2) Keputusan Jawatankuasa Rayuan adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

### **Lembaga mesti melaksanakan keputusan Jawatankuasa Rayuan**

**24.** (1) Setiausaha hendaklah memberitahu Pengerusi Lembaga tentang keputusan Jawatankuasa Rayuan.

(2) Apabila diberitahu tentang keputusan Jawatankuasa Rayuan berkenaan dengan mana-mana filem atau bahan publisiti filem, Pengerusi Lembaga hendaklah mengambil apa-apa tindakan, jika ada, yang perlu bagi melaksanakan keputusan itu.

## **BAHAGIAN V**

### **KUASA MENTERI**

#### **Arahan**

**25.** (1) Menteri boleh mengeluarkan arahan-arahan yang bersifat am yang selaras dengan peruntukan Akta ini kepada Lembaga atau Jawatankuasa Rayuan mengenai dasar Kerajaan berhubung dengan penayangan awam filem dan bahan publisiti filem.

(2) Lembaga atau Jawatankuasa Rayuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah melaksanakan arahan-arahan yang disebut dalam subseksyen (1).

#### **Larangan**

**26.** Walau apa pun mana-mana peruntukan lain Akta ini, jika Menteri berpendapat bahawa penayangan, pempameran, pengedaran, pemilikan, penyebaran atau penjualan apa-apa filem atau apa-apa

bahan publisiti filem akan bertentangan dengan kepentingan awam, dia boleh, mengikut budi bicara mutlaknyanya, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, melarang penayangan, pempameran, pengedaran, pemilikan, penyebaran atau penjualan filem atau bahan publisiti filem itu.

### **Peraturan-peraturan**

**27.** Menteri boleh membuat apa-apa peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini, termasuklah peraturan-peraturan yang menetapkan—

- (a) cara pengemukaan filem dan bahan publisiti filem kepada Lembaga bagi maksud penapisan;
- (b) fi bagi apa-apa perkara di bawah Akta ini;
- (c) pengelasan filem;
- (d) tatacara berhubung dengan pelupusan filem-filem yang tidak dituntut;
- (e) kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaunkan.

### **Pengecualian**

**28.** Menteri boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dikenakan olehnya—

- (a) mengecualikan apa-apa filem atau kelas filem, termasuklah filem yang ditaja oleh Kerajaan Persekutuan berikutan dengan sesuatu triti, perjanjian atau perkiraan yang Kerajaan Persekutuan menjadi pihak kepadanya, daripada pemakaian mana-mana peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini; dan
- (b) jika dia berpuas hati bahawa tidak akan bertentangan dengan kepentingan awam atau kepentingan negara untuk berbuat demikian, mengecualikan mana-mana orang atau apa-apa filem atau bahan publisiti filem daripada mana-mana peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

BAHAGIAN VI

KUASA BERHUBUNG DENGAN PENGUATKUASAAN,  
PENYITAAN, PENANGKAPAN, DSB.

**Pelantikan Pegawai Penguat Kuasa**

**29.** Menteri boleh melantik apa-apa bilangan Pegawai Penguat Kuasa yang perlu bagi maksud Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

**Kuasa untuk menyiasat**

**30.** Seseorang Pegawai Penguat Kuasa atau seseorang pegawai polis hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

**Kad kuasa**

**31.** (1) Maka hendaklah dikeluarkan kepada setiap Pegawai Penguat Kuasa suatu kad kuasa yang hendaklah ditandatangani oleh Menteri.

(2) Apabila seseorang Pegawai Penguat Kuasa menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dia hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).

**Penggeledahan dan penyitaan dengan waran**

**32.** (1) Jika pada hemat seseorang Majistret, berdasarkan maklumat bertulis dengan bersumpah dan selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang difikirkannya perlu, bahawa ada sebab munasabah untuk dipercayai bahawa—

(a) mana-mana premis telah digunakan atau akan digunakan bagi; atau

- (b) ada di dalam mana-mana premis keterangan yang perlu bagi penjalanan penyiasatan mengenai,

pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, Majistret boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa kepada Pegawai Penguat Kuasa atau pegawai polis yang dinamakan dalam waran itu, pada bila-bila masa yang munasabah sama ada pada siang atau malam hari dan dengan atau tanpa bantuan, untuk memasuki premis itu, jika perlu dengan kekerasan.

(2) Waran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) boleh memberi kuasa kepada Pegawai Penguat Kuasa atau pegawai polis untuk menggeledah premis itu bagi mencari, dan untuk menyita dan mengalihkan dari premis itu—

- (a) apa-apa filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain yang berkenaan dengannya suatu kesalahan telah atau disyaki telah dilakukan; dan
- (b) apa-apa filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain yang semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan tentang pelakuan kesalahan itu.

(3) Seseorang Pegawai Penguat Kuasa atau pegawai polis yang bertindak di bawah subseksyen (1) atau (2) boleh—

- (a) memecah buka mana-mana pintu luar atau dalam premis itu atau mana-mana pagar, kepungan, pintu pagar atau halangan lain ke premis itu, untuk masuk ke dalam premis itu;
- (b) mengalihkan dengan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan atau pengalihan yang dia diberi kuasa untuk melaksanakannya di bawah subseksyen (1) atau (2); dan
- (c) menahan tiap-tiap orang yang ditemui di dalam premis itu sehingga tempat itu selesai digeledah.

### **Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran**

**33.** Apabila seseorang Pegawai Penguat Kuasa atau pegawai polis mempunyai alasan yang munasabah untuk dipercayai bahawa apa-apa filem atau bahan publisiti filem yang berkenaan dengannya suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang

dibuat di bawah Akta ini telah dilakukan mungkin dijumpai di dalam atau di mana-mana tempat atau premis atau pada mana-mana orang, di dalam mana-mana kenderaan, vesel atau alat pengangkutan dan bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh waran di bawah seksyen 32 matlamat penggeledahan mungkin terkecewa, dia boleh, tanpa waran, dengan apa-apa bantuan dan kekerasan sebagaimana yang perlu—

- (a) memasuki dan menggeledah tempat itu atau premis itu;
- (b) memberhentikan dan memeriksa orang, kenderaan, vesel atau alat pengangkutan itu; dan
- (c) menyita apa-apa filem atau bahan publisiti filem atau benda lain yang mungkin ditemui dan boleh menjadi keterangan tentang pelakuan kesalahan itu.

### **Pemeriksaan orang**

**34.** Tiada seorang pun boleh diperiksa kecuali oleh seorang lain yang sama jantinya dengan orang itu, dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan penuh kesopanan.

### **Penyitaan filem, dsb.**

**35.** Tanpa menjejaskan subseksyen 32(2) dan seksyen 33, apa-apa filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain yang semunasabahnya disyaki oleh seseorang Pegawai Penguat Kuasa atau pegawai polis telah digunakan atau akan digunakan dalam pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh disita dan ditahan oleh Pegawai Penguat Kuasa atau pegawai polis itu.

### **Notis penyitaan**

**36.** (1) Jika apa-apa penyitaan dibuat di bawah Bahagian ini, Pegawai Penguat Kuasa atau pegawai polis yang membuat penyitaan itu hendaklah menyediakan suatu senarai tiap-tiap filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain yang disita dan tempat filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain itu telah dijumpai dan hendaklah menandatangani senarai itu.

(2) Senarai yang disediakan mengikut subseksyen (1) hendaklah diserahkan dengan serta-merta kepada penghuni tempat atau premis di mana filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain yang disita itu dijumpai.

(3) Jika penyitaan itu dibuat di dalam atau dari mana-mana tempat atau premis yang tidak dihuni, Pegawai Penguat Kuasa atau pegawai polis yang membuat penyitaan itu hendaklah bilamana mungkin menampalkan dengan ketara suatu senarai benda yang disita itu di tempat atau premis itu.

(4) Jika apa-apa filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain disita selain di dalam atau dari mana-mana tempat atau premis, Pegawai Penguat Kuasa atau pegawai polis yang membuat penyitaan itu hendaklah memberikan suatu notis bertulis mengenai penyitaan itu dan alasan penyitaan itu kepada pemunya filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain yang disita itu dengan menyerahkan suatu salinan notis itu kepada pemunya itu sendiri atau melalui pos ke tempat perniagaannya atau kediamannya.

(5) Notis di bawah subseksyen (4) tidak perlu diberikan jika penyitaan itu dibuat dalam kehadiran atau dengan pengetahuan pemunya itu.

### **Kuasa penangkapan**

**37.** (1) Mana-mana Pegawai Penguat Kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayainya telah melakukan atau cuba melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Seseorang Pegawai Penguat Kuasa yang membuat penangkapan di bawah subseksyen (1) hendaklah tanpa kelengahan yang tidak perlu menyerahkan orang yang ditangkap sedemikian kepada pegawai polis yang terdekat atau, jika tiada pegawai polis, membawa orang itu ke balai polis yang terdekat, dan sesudah itu orang itu hendaklah diperlakukan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah yang sedang berkuat kuasa seolah-olah dia telah ditangkap oleh seorang pegawai polis.



**Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes**

**38.** (1) Seseorang Pegawai Penguat Kuasa yang membuat siasatan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh, melalui perintah bertulis, menghendaki mana-mana orang yang pada hemat Pegawai Penguat Kuasa itu mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu supaya hadir di hadapannya, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian.

(2) Jika mana-mana orang enggan hadir sebagaimana yang dikehendaki oleh suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1), Pegawai Penguat Kuasa itu boleh melaporkan keengganannya itu kepada seorang Majistret yang hendaklah mengeluarkan suatu waran untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah itu.

**Pemeriksaan orang yang mengetahui kes**

**39.** (1) Seseorang Pegawai Penguat Kuasa yang membuat siasatan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dijangkakan mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Seseorang yang diperiksa di bawah subseksyen (1) terikat di sisi undang-undang untuk menjawab segala soalan berhubung dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh Pegawai Penguat Kuasa, tetapi dia boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya mungkin mendedahkan orang itu kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat sesuatu pernyataan di bawah seksyen ini terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab soalan-soalan itu.

(4) Seseorang Pegawai Penguat Kuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memberitahu orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamana mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dicapkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas—

- (a) pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa pernyataan itu dibuat olehnya; dan
- (b) dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembedulan yang dia mahu.

(6) Jika orang yang membuat suatu pernyataan di bawah seksyen ini enggan menandatangani atau mengecapkan cap ibu jarinya atas pernyataan itu, Pegawai Penguat Kuasa hendaklah mengendorskan pada pernyataan itu di bawah tandatangannya hakikat keengganan itu dan sebabnya, jika ada, yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa itu.

### **Pelucuthakan filem, dsb., yang disita**

**40.** (1) Apa-apa filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan atau bagi pelepasan apa-apa filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini hendaklah dibuat oleh mahkamah yang di hadapannya pendakwaan berkenaan dengannya telah dijalankan.

(3) Suatu perintah bagi pelucuthakan di bawah subseksyen (2) hendaklah dibuat jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain itu merupakan hal perkara bagi atau digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, walaupun tiada orang telah disabitkan atas kesalahan itu.

(4) Jika tidak ada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini, filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain itu hendaklah diambil dan disifatkan terlucut hak apabila habis tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian

notis ke alamat yang terakhir diketahui orang yang daripadanya filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain itu disita yang menyatakan bahawa tiada pendakwaan berkenaan dengan filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain itu, melainkan jika sebelum habis tempoh itu suatu tuntutan baginya telah dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (5), (6), (7) dan (8).

(5) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain yang disebut dalam subseksyen (4) dan bahawa filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain itu tidak boleh dilucuthakkan boleh memberikan sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis notis bertulis kepada Pegawai Penguat Kuasa atau pegawai polis yang dalam milikannya filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain itu dipegang bahawa dia menuntut filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain itu.

(6) Apabila notis yang disebut dalam subseksyen (5) diterima, Pegawai Penguat Kuasa atau pegawai polis itu hendaklah merujukkan perkara itu kepada seorang Majistret untuk mendapatkan suatu keputusan.

(7) Majistret yang kepadanya sesuatu perkara dirujukkan di bawah subseksyen (6) hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain itu dan orang yang daripadanya filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain itu disita hadir di hadapan Majistret itu, dan apabila mereka hadir atau apabila mereka tidak hadir, setelah dibuktikan bahawa saman itu telah disampaikan dengan sewajarnya, Majistret hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu.

(8) Jika dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain yang disebut dalam subseksyen (7) merupakan hal perkara bagi atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, maka Majistret hendaklah memerintahkan supaya filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain itu dilucuthakkan dan hendaklah, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan supaya filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain itu dilepaskan.

(9) Mana-mana filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain yang dilucuthakkan atau disifatkan terlucut hak hendaklah dihantarserahkan kepada Pegawai Penguat Kuasa atau pegawai polis dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Majistret.

### **Kos memegang filem, dsb., yang disita**

**41.** Jika mana-mana filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini dipegang dalam jagaan Kerajaan sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, kos bagi memegang filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain itu dalam jagaan hendaklah, sekiranya mana-mana orang didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini berhubung dengan filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain itu, menjadi suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan oleh orang itu dan hendaklah boleh didapatkan dengan sewajarnya.

### **Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan**

**42.** Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa filem, bahan publisiti filem, buku, dokumen atau benda lain yang disita pada menjalankan atau berupa sebagai perjalanan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak mendapat kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

## BAHAGIAN VII

### PELBAGAI

#### **Pendakwaan**

**43.** Tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

**Bidang kuasa mahkamah Majistret Kelas Satu**

44. Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis yang bertentangan, mahkamah Majistret Kelas Satu hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan boleh menjatuhkan hukuman penuh bagi kesalahan itu.

**Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan**

45. Jika seseorang yang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah Akta ini ialah suatu pertubuhan perbadanan, maka tiap-tiap orang yang, pada masa pelakuan kesalahan itu, merupakan pengarah urusan, pengurus atau pegawai lain yang seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu, boleh dipertuduh bersesama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu, dan jika pertubuhan perbadanan itu disabitkan atas kesalahan yang dipertuduhkan, maka tiap-tiap pengarah urusan, pengurus atau pegawai itu hendaklah juga disifatkan telah melakukan kesalahan itu dan boleh dikenakan penalti yang sama dengan pertubuhan perbadanan itu, melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya atau bahawa dia telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mencegah pelakuannya.

**Pengkompaunan kesalahan**

46. (1) Setiausaha boleh mengkompaunkan mana-mana kesalahan boleh kompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis untuk mengkompaunkan kesalahan itu kepada mana-mana orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu apabila dibayar kepada Lembaga suatu amaun wang, yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum bagi kesalahan itu, dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(3) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran di bawah subseksyen (1) tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Lembaga, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaunkan kesalahan itu telah dibuat.

(5) Dalam seksyen ini, “kesalahan boleh kompaun” ertinya suatu kesalahan yang telah ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaunkan.

### **Anggapan**

**47.** Bagi maksud segala prosiding di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini—

- (a) seseorang hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan sebagai penghuni mana-mana premis, atau pemunya mana-mana kenderaan, vesel atau alat pengangkutan jika dia mempunyai, atau tampaknya mempunyai, penjagaan atau pengurusan premis, kenderaan, vesel atau alat pengangkutan itu;
- (b) jika apa-apa filem atau bahan publisiti filem yang belum diluluskan oleh Lembaga atau yang berkenaan dengannya suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini telah dilakukan dijumpai di dalam mana-mana premis, kenderaan, vesel atau alat pengangkutan, maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa filem atau bahan publisiti filem itu berada di situ dengan pengetahuan penghuni premis, atau pemunya kenderaan, vesel atau alat pengangkutan itu;
- (c) jika apa-apa filem yang belum diluluskan oleh Lembaga dijumpai di dalam mana-mana premis, kenderaan, vesel atau alat pengangkutan, nama dan alamat orang yang dijumpai dalam atau pada mana-mana bahagian filem atau penutupnya hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, sebagai nama dan alamat pemunya filem itu yang bercadang untuk menayangkan, mengedarkan, mempamerkan, menyebarkan, menyewakan atau menjual filem itu.

**Keputusan di bawah Akta tidak tertakluk kepada rayuan atau kajian semula**

**48.** Tiada keputusan Menteri, Lembaga atau Jawatankuasa Rayuan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh menjadi tertakluk kepada rayuan atau kajian semula oleh mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan.

**Pekhidmat awam**

**49.** Setiap orang yang berikut hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*]:

- (a) anggota Lembaga dan Jawatankuasa Rayuan;
- (b) Setiausaha dan tiap-tiap Penolong Setiausaha;
- (c) Pegawai Penguat Kuasa; dan
- (d) orang yang diambil kerja di pejabat Lembaga dan pejabat Jawatankuasa Rayuan.

**Kekebalan daripada tindakan undang-undang**

**50.** Tiada prosiding undang-undang, pendakwaan atau bentuk litigasi lain boleh dimulakan atau dikekalkan terhadap—

- (a) mana-mana anggota Lembaga;
- (b) mana-mana anggota Jawatankuasa Rayuan;
- (c) Setiausaha atau mana-mana Penolong Setiausaha;
- (d) mana-mana Pegawai Penguat Kuasa; atau
- (e) mana-mana orang yang diambil kerja di pejabat Lembaga atau pejabat Jawatankuasa Rayuan,

atas sifat peribadinya berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keputusan atau pernyataan yang dilakukan atau dibuat dengan suci hati bagi maksud atau bersampingan dengan pelaksanaan atau pelaksanaan yang dicadangkan peruntukan-peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

**Tiada tanggungan bagi kehilangan atau kerosakan kepada filem atau bahan publisiti filem**

**51.** Selain bagi kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan sengaja pada pihak Lembaga atau Jawatankuasa Rayuan atau mana-mana anggota Lembaga atau Jawatankuasa

Rayuan, atau mana-mana pegawai atau orang lain yang diambil kerja di pejabat Lembaga atau Jawatankuasa Rayuan, Lembaga, Jawatankuasa Rayuan dan Kerajaan tidaklah bertanggung bagi kehilangan, atau apa-apa kerosakan kepada, apa-apa filem atau bahan publisiti filem yang dikemukakan kepada Lembaga untuk kelulusan atau kepada Jawatankuasa Rayuan atas sesuatu rayuan.

### **Pelupusan filem yang tidak dituntut**

**52.** (1) Lembaga boleh memerintahkan supaya mana-mana filem atau bahan publisiti filem dimusnahkan atau selainnya dilupuskan sebagaimana yang difikirkannya patut jika filem atau bahan publisiti filem itu masih berada dalam milikannya selepas tempoh dua tahun telah luput sejak—

- (a) tarikh filem atau bahan publisiti filem itu ditahan di bawah seksyen 7;
- (b) jika filem atau bahan publisiti filem itu diluluskan di bawah seksyen 10, tarikh Lembaga memberitahu pemunya di bawah subseksyen 10(2); atau
- (c) jika apa-apa perubahan sesuatu filem atau bahan publisiti filem dikehendaki di bawah seksyen 11, tarikh Lembaga memberitahu pemunya supaya mengambil milikan filem atau bahan publisiti filem itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), mana-mana filem atau bahan publisiti filem di bawah kawalan seseorang pegawai kastam yang hak menurut kuasa seksyen 7 hendaklah disifatkan berada dalam milikan Lembaga.

## **BAHAGIAN VIII**

### **PERUNTUKAN PEMANSUHAN, PERALIHAN DAN KECUALIAN**

#### **Pemansuhan**

**53.** Akta (Penapisan) Filem 1952 [*Akta 35*] (dalam Bahagian ini disebut “Akta termansuh”) dimansuhkan.

#### **Lembaga dan Jawatankuasa**

**54.** (1) Lembaga Penapis Filem, Jawatankuasa Penilaian dan Jawatankuasa Rayuan yang ditubuhkan oleh Akta termansuh dibubarkan.



(2) Walau apa pun subseksyen (1), tiap-tiap orang yang merupakan anggota Lembaga Penapis Filem dan Jawatankuasa Rayuan di bawah Akta termansuh sebaik sebelum tarikh Akta ini mula berkuat kuasa hendaklah, pada tarikh itu—

- (a) dalam hal seorang anggota Lembaga Penapis Filem, disifatkan telah dilantik sebagai anggota Lembaga yang ditubuhkan di bawah seksyen 4; dan
- (b) dalam hal seorang anggota Jawatankuasa Rayuan, disifatkan telah dilantik sebagai anggota Jawatankuasa Rayuan yang ditubuhkan di bawah seksyen 22,

dan hendaklah terus menjadi anggota sedemikian sehingga habis tempoh yang baginya dia dilantik di bawah Akta termansuh.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), apa-apa perkara yang belum selesai di hadapan Lembaga Penapis Filem, Jawatankuasa Penilaian dan Jawatankuasa Rayuan di bawah Akta termansuh hendaklah dibereskan oleh Lembaga dan Jawatankuasa-Jawatankuasa itu di bawah Akta termansuh seolah-olah Lembaga dan Jawatankuasa-Jawatankuasa itu tidak dibubarkan dan Akta termansuh tidak dimansuhkan.

### **Penerusan undang-undang**

**55.** Semua perundangan subsidiari yang dibuat atau disifatkan telah dibuat di bawah Akta termansuh dan sedang berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh Akta ini mula berkuat kuasa hendaklah, setakat yang perundangan subsidiari itu selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta ini, disifatkan telah dibuat di bawah Akta ini dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga perundangan subsidiari itu habis tempoh atau dibatalkan atau digantikan.

### **Sebutan mengenai Akta termansuh**

**56.** Apa-apa sebutan dalam mana-mana undang-undang bertulis mengenai Akta termansuh atau Lembaga Penapis Filem atau Jawatankuasa Rayuan yang ditubuhkan di bawah Akta termansuh hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta ini atau Lembaga atau Jawatankuasa Rayuan yang ditubuhkan di bawah Akta ini, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan apa-apa ungkapan yang membawa sebutan yang sedemikian hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

---

## JADUAL

[Subseksyen 4(2) dan 22(2)]

**Pengertian “anggota kerana jawatan”**

1. Dalam Jadual ini, “anggota kerana jawatan” Jawatankuasa Rayuan ialah anggota Jawatankuasa Rayuan selain anggota yang dilantik di bawah perenggan 22(1)(a), (b) atau (g).

**Orang yang tidak boleh menjadi anggota Lembaga**

2. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), orang yang berikut tidak layak untuk dilantik, atau kekal, menjadi anggota Lembaga:

- (a) ahli mana-mana Majlis Parlimen atau Dewan Undangan sesuatu Negeri;
- (b) anggota atau pegawai atau pekerja mana-mana pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pertubuhan perbadanan atau pihak berkuasa lain yang ditubuhkan oleh undang-undang bagi suatu maksud awam;
- (c) anggota mana-mana kesatuan sekerja atau mana-mana badan atau pertubuhan yang bergabung dengan sesuatu kesatuan sekerja.

(2) Tiada anggota perkhidmatan awam boleh dilantik sebagai Pengerusi atau Naib Pengerusi Lembaga melainkan jika dia sedang bercuti sebelum bersara.

**Orang yang tidak boleh menjadi anggota Lembaga atau Jawatankuasa**

3. Tanpa menjejaskan perenggan 2, orang yang berikut tidak layak untuk dilantik, atau kekal, menjadi anggota Lembaga atau Jawatankuasa Rayuan:

- (a) seseorang yang bankrap;
- (b) seseorang penghutang penghakiman;
- (c) seseorang yang telah didapati atau diisytiharkan sebagai tidak sempurna akal; atau
- (d) seseorang yang telah disabitkan atas apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak.

**Tempoh jawatan**

4. Seseorang anggota Lembaga atau anggota Jawatankuasa Rayuan selain seorang anggota kerana jawatan hendaklah dilantik selama tempoh tiga tahun atau apa-apa tempoh yang lebih pendek sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, dan apabila habis tempoh itu dia layak untuk dilantik semula.

### **Peletakan jawatan**

5. Seseorang anggota Lembaga atau anggota Jawatankuasa Rayuan selain anggota kerana jawatan boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya melalui surat yang dialamatkan kepada Menteri.

### **Pembatalan**

6. Menteri boleh membatalkan pelantikan seseorang anggota Lembaga atau anggota Jawatankuasa Rayuan selain anggota kerana jawatan tanpa memberikan apa-apa alasan bagi pembatalan itu.

### **Penamatan pelantikan**

7. Pelantikan seseorang anggota Lembaga atau anggota Jawatankuasa Rayuan selain anggota kerana jawatan tamat—

- (a) apabila dia mati;
- (b) jika dia meletakkan jawatan mengikut perenggan 5;
- (c) jika pelantikannya dibatalkan di bawah perenggan 6; atau
- (d) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga atau Jawatankuasa Rayuan tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi Lembaga atau Jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan.

### **Kuorum Lembaga**

8. Kuorum bagi semua mesyuarat Lembaga ialah tiga, termasuk orang yang mempengerusikan mesyuarat.

### **Kuorum Jawatankuasa Rayuan**

9. Kuorum bagi semua mesyuarat Jawatankuasa Rayuan ialah enam, termasuk orang yang mempengerusikan mesyuarat.

### **Orang yang hendaklah mempengerusikan mesyuarat**

10. (1) Pengerusi, dan semasa ketiadaan Pengerusi, Naib Pengerusi Lembaga atau Jawatankuasa Rayuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mempengerusikan mesyuarat Lembaga atau Jawatankuasa Rayuan.

(2) Semasa ketiadaan Pengerusi dan Naib Pengerusi pada mana-mana mesyuarat Lembaga atau Jawatankuasa Rayuan, mesyuarat itu hendaklah dipengerusikan oleh seorang anggota yang dilantik oleh anggota-anggota yang hadir.

### **Undi pemutus**

11. Dalam mana-mana mesyuarat Lembaga atau Jawatankuasa Rayuan, orang yang mempengerusikan mesyuarat itu hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

**Elaun dan keistimewaan**

**12.** Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Rayuan hendaklah dibayar dan diberi apa-apa elaun dan keistimewaan yang ditentukan oleh Menteri.

**Pewakilan kuasa dan kewajipan Lembaga**

**13.** (1) Lembaga boleh mewakilkan, sama ada secara am atau dalam sesuatu hal tertentu, semua atau mana-mana kuasa yang diberikan kepadanya atau kewajipan yang dikenakan ke atasnya di bawah Akta ini kepada suatu jawatankuasa yang terdiri daripada mana-mana tiga orang daripada anggota Lembaga.

(2) Pengerusi Lembaga boleh melantik mana-mana anggota jawatankuasa yang disebut dalam subperenggan (1) menjadi pengerusi jawatankuasa itu.

(3) Tiada perwakilan di bawah subperenggan (1) boleh menghalang Lembaga daripada menjalankan mana-mana kuasa atau melaksanakan mana-mana kewajipan yang diwakilkan sedemikian.

**Penandaan keputusan**

**14.** Maka sah di sisi undang-undang bagi semua keputusan Lembaga atau Jawatankuasa Rayuan atau jawatankuasa yang disebut dalam perenggan 13 ditandakan di bawah tandatangan Setiausaha atau seorang Penolong Setiausaha, dan tiap-tiap keputusan yang ditandakan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai keputusan Lembaga, Jawatankuasa Rayuan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

**Penzahiran kepentingan**

**15.** (1) Seseorang anggota Lembaga atau Jawatankuasa Rayuan yang mempunyai, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa kepentingan, yang bersifat kewangan atau selainnya, sendiri atau melalui pekongsinya, dalam apa-apa hal yang dipertimbangkan oleh Lembaga atau Jawatankuasa Rayuan atau jawatankuasa yang disebut dalam perenggan 13 hendaklah menzahirkan jenis kepentingan itu dalam tiap-tiap mesyuarat yang dalamnya hal itu dipertimbangkan.

(2) Penzahiran di bawah subperenggan (1) hendaklah direkodkan dalam minit Lembaga, Jawatankuasa Rayuan atau jawatankuasa itu dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh orang yang mempengerusikan mesyuarat itu, anggota itu tidak boleh mengambil bahagian dalam penimbangtelitian atau keputusan Lembaga, atau Jawatankuasa Rayuan atau jawatankuasa itu berhubung dengan perkara itu.

**Kesahan perbuatan, prosiding dan keputusan Lembaga dan Jawatankuasa**

**16.** Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil atau keputusan yang dibuat oleh Lembaga atau Jawatankuasa Rayuan boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada suatu kekosongan dalam keanggotaan Lembaga atau Jawatankuasa Rayuan;

- (b) ada suatu kecacatan dalam keanggotaan Lembaga atau Jawatankuasa Rayuan;
- (c) ada pelanggaran peruntukan perenggan 15 oleh anggota Lembaga atau Jawatankuasa Rayuan; atau
- (d) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

**Lembaga dan Jawatankuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri**

17. Tertakluk kepada Akta ini dan kepada peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, Lembaga dan Jawatankuasa Rayuan boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 620**

**AKTA PENAPISAN FILEM 2002**

SENARAI PINDAAN

Undang-Undang  
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa dari

—TIADA—

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 620**

**AKTA PENAPISAN FILEM 2002**

**SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
	—TIADA—	

---